



UNIT KERJASAMA AWAM SWASTA
JABATAN PERDANA MENTERI

KERATAN AKHBAR

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : JULAI / 9 / 2024

M/S : 2



Anwar bersalaman dengan orang ramai selepas menghadiri majlis perasmian penubuhan NGO, Pertubuhan Lima Generasi Malaysia di Pusat Konvensyen Ipoh, malam kelmarin. (Foto BERNAMA)

PM ajak belia hijrah jadi ummah hebat

Anwar minta rakyat henti berbalah, tinggal amalan rugikan negara

Oleh Zahratulhayat Mat Arif dan Muhammad Zulsyamini Sufian Suri
bhnews@bh.com.my

Ipoh: Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu semua pihak, terutama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan generasi muda menghayati semangat hijrah Rasulullah, termasuk menghentikan perbalahan untuk menjadi ummah yang hebat serta dikagumi.

Perdana Menteri berkata, keyakinan akidah, nilai akhlak dan daya juang termasuk dalam mempertahankan hak, keadilan serta menolak penyelewengan, kezaliman dan rasuah antara ramuan kejayaan Nabi Muhammad sebagai pemimpin ummah.

Tegasnya, perubahan yang mahu dibuat ke arah kemajuan perlu jelas seperti hijrah Rasulullah SAW dari Makkah ke Madinah, selain pedomannya wahyu diturunkan Allah, disusuli dukungan kelompok yang berdisiplin dan taat setia.

"Seperti yang disebut dalam al-Quran menerusi surah Al-Muddassir, kita kadang-kadang lupa, leka, cuai, tidur. Bangunlah daripada tidur, kealpaan untuk percaya, taat, tunduk kepada kekuatan serta kebesaran Allah SWT.

"Kalau yakin, apa yang harus kita lakukan ialah membersihkan kita daripada gejala dan pengaruh yang merosakkan, baru

kita boleh mengangkat martabat bangsa, negara dan umat keseluruhan," katanya.

Perdana Menteri berucap menyempurnakan majlis perasmian penubuhan NGO, Pertubuhan Lima Generasi Malaysia (PLG) di Pusat Konvensyen Ipoh (ICC), di sini, malam kelmarin.

Yang turut hadir, Menteri Besar Perak, Datuk Sri Saarani Mohamad; Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Adam Adli Abdul Halim dan Presiden PLG, Datuk Abdullah Ghani Kassim.

"Dengan kudrat dan kuasa pada saya, saya akan pastikan baik PLG atau Silat Gayung atau apa sahaja jentera yang boleh mengangkat martabat bangsa sebagai bangsa yang hebat, hentikan perbalahan dan gunakan semangat hijrah ini.

"Ini masanya kita bangun sebagai satu kekuatan, tunjuk bangsa yang hebat itu bangsa yang mempunyai nilai, lebih berprinsip, kuat kerja, tegakkan keadilan bagi negara.

"Dalam perjuangan Baginda, Rasulullah mengirinkan dua tokoh, iaitu seorang yang fasih al-Quran, manakala seorang lagi memberi kefahaman dan pencerahan untuk masyarakat di Madinah kepada kehidupan baharu.

"Itu sebabnya hijrah bermaksud berlawan, meninggalkan amalan lapuk dan syirik. Ia bermakna meninggalkan amalan kezaliman, penindasan, fitnah secara berleluasa," katanya.

Tak hirau cercaan

Anwar memberi jaminan tidak akan berkompromi atau menghiraukan cercaan dalam soal mempertahankan kedaulatan dan hak dalam mengangkat martabat.

"Negara kita bersaing nak bergaduh apa? Nak cerca apa? Nak fitnah apa lagi? Kita akan

angkat martabat kita. Pertama, jika mahu bersaing, kita harus punya ilmu, harus mempertingkatkan erti keadilan.

"Syaratnya, kita mesti ada pimpinan muda, daripada PLG, pimpinan politik dan pimpinan negara yang tolak kezaliman dan hentikan guna kuasa untuk memperkaya diri dan kerabat atau sakau-menyakau.

"Jayakan Malaysia sebagai negara hebat lagi keramat kerana kita ketinggalan dan kita perlukan pelaburan, perlukan digital, perlu kuasai kecerdasan buatan untuk basmi kemiskinan," katanya.

Pada majlis berasingan semalam, Perdana Menteri mengumumkan peruntukan RM1 juta bagi pembangunan Kompleks Pendidikan Al-Ummah (KPU).

Anwar yang juga Ahli Parlimen Tambun berkata, peruntukan berkenaan diluluskan bagi meneruskan projek di Chemor itu.

"Buat masa ini saya luluskan RM1 juta dan saya akan lihat semula projek itu. Selebihnya, saya perlu berbincang dengan kerajaan negeri dan pegawai secara lebih terperinci supaya projek dapat diselesaikan mengikut jadual.

"Peruntukan itu akan diproleh dalam satu atau dua minggu lagi," katanya.

Anwar berkata demikian ketika melawat bangunan berkenaan selepas melawat pameran mengenai kerja pembinaan KPU, semalam.

Fasa pertama pembinaan KPU bermula pada 2016 manakala majlis pecah tanah diadakan pada 26 Oktober 2020.

KPU bertujuan melahirkan generasi MADANI akan datang. Fasa Satu dibangunkan dengan kos RM6 juta, manakala kos keseluruhan kompleks dianggar bernilai RM35 juta.